

Oh Internet

**HEBAT  
ATAU  
RABAK?**





DUNIA DIGITAL



# KINI SENANG MACAM PETIK JARI DAN DI MANA SAJA PUN ADA, 24 JAM 7 HARI SEMINGGU.

**United Nations Children's Fund  
UNICEF Malaysia Country Office**  
Wisma UN, Block C, 2nd Floor  
Kompleks Pejabat Damansara  
Jalan Dungun, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur, MALAYSIA

kualalumpur@unicef.org  
<http://replyforall-my.tumblr.com>

Golongan muda dan remaja menggunakan Internet untuk melakukan pelbagai benda—belajar; kaji selidik; berhubung dengan keluarga; jumpa kawan baru; bersosial; kongsi pendapat; mencipta video, muzik, seni dan app baru; dan ada juga yang guna untuk bersantai dan relaks.

Tapi, Internet juga boleh disalahguna; malangnya, yang jadi mangsa, remaja dan kanak-kanak. Ada yang kena tempias komen laser dan menyakitkan hati, ada pula yang “diskodeng,” diganggu, “dirangsang” didera dan dieksplotasi secara seksual.

Yang hitam  
dan hodoh inilah  
yang buat Internet  
tak best!

**ReplyForAll-MY** oleh Digi, R.AGE, WOMEN:girls dan UNICEF adalah sebahagian daripada kempen global untuk menjadikan Internet tempat selamat untuk sesiapa saja—supaya korang jadi lebih faham, berhemah, lebih berhati-hati dengan orang yang korang sembang, apa yang korang baca dan post. Itu sebabnya kena saling menyokong dan bekerjasama supaya sama-sama boleh hapuskan keganasan dalam talian.

Sama-sama, korang boleh tetapkan pendirian. Bila kita ‘together-gether’ cari cara untuk respond, barulah mesej itu sampai.

#ReplyForAll-MY  
untuk dunia digital  
lebih baik untuk  
kanak-kanak!



# KORANG LAHIR DENGAN HAK

Semua kanak-kanak bawah 18 tahun ada hak yang istimewa, sejak lahir lagi. Hak ini memang milik korang supaya boleh mulakan hidup dengan baik.

Hak ini dilindungi Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di mana Malaysia sendiri telah menandatangani dan setujui pada tahun 1995. Dalam 42 daripada 54 artikel tertulis, CRC telah menjelaskan level minima untuk keselamatan dan perlindungan bagi kanak-kanak.

Standard asas ini diperlakukan tanpa pilih kasih pada semua kanak-kanak—tak kira online atau offline—supaya korang boleh hidup happy, ada future yang gempak! Yang paling penting—takde siapa boleh rampas hak itu daripada korang!

Malahan, ramai orang dewasa bertanggungjawab untuk buat the best untuk korang. Kerajaan pula pegang tanggungjawab utama untuk pastikan hak korang dilindungi dan dilaksanakan.

Bila umur bertambah, maka bertambahlah tanggungjawab korang

untuk buat pilihan sambil gunakan hak itu. Korang pun boleh tunjukkan respect pada hak orang lain. Ada banyak caranya, contoh:

- Korang kenalah layan orang lain dengan adil
- Hormat hak orang lain kepada pendidikan dengan menolong mereka belajar
- Korang kenalah hormat hak orang lain untuk dilindungi daripada bahaya dengan berhemah dan hentikan buli
- Korang kena hormati hak orang lain untuk kongsi pandangan dengan bertanya pendapatnya atau apa dia nak buat
- Hormati privasi orang lain—janganlah memandai kongsi info atau gambar tanpa izin
- Kalau ada yang buat korang terluka, disisih atau diganggu teruk, kenalah beritahu orang dewasa yang korang percayai. Jangan takut minta tolong tau!



# HAK KANAK-KANAK DALAM ERA DIGITAL

Ada beberapa Hak daripada Konvensyen Hak Kanak-kanak yang relevan dengan keselamatan, perkembangan dan kesejahteraan bila melayari Internet.

- 
- 2 Hak tidak didiskriminasikan
  - 12 Hak untuk didengar dan dihormati
  - 29 Hak untuk kembangkan bakat dan potensi sepenuhnya
  - 13 Hak untuk ekspresi diri
  - 17 Hak untuk informasi sesuai umur
  - 28 Hak untuk belajar
  - 16 Hak untuk privasi dan reputasi
  - 15 Hak untuk turut serta
  - 34 Hak dilindungi dari penderaan seksual dan pornografi
  - 19 Hak dilindungi dari keganasan dan buli
  - 31 Hak untuk bersantai, bermain dan berbudaya


# PELUANG DAN AKIBAT: MEMBESAR DALAM TALIAN

Untuk lebih memahami pandangan dan apa yang korang risaukan mengenai dunia digital, UNICEF dan Ipsos buat tinjauan pendapat pada 10,000 remaja berusia 18 tahun pada 2016 di 25 negara mewakili serata dunia, termasuk Brazil, India, Indonesia, Jordan, Maghribi, Filipina, Thailand, Vietnam, UK dan USA.

Remaja di Malaysia pun terlibat dalam kajiselidik ini. Dari 11-29 April, secara rawak, remaja di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Johor Bahru dan Pulau Pinang telah ditemuramah, dan mereka yang berusia 18 tahun, diajak menyertai tinjauan ini secara elektronik.

*Bahaya dan Peluang: Dewasa dalam Talian* adalah hasilnya; itulah pendapat tentang erti Internet terhadap remaja; apa mereka rasa dan apa yang mereka risaukan bila sedang online. Tinjauan itu mendapati lebih 40% remaja global ini mula menggunakan Internet seawal usia 13 tahun. Penemuan ini memang berguna untuk UNICEF, senanglah mereka nak memenuhi kehendak kanak-kanak dan remaja hari ini.

**Jom baca report global itu:**  
[www.unicef.org/endviolenceonline](http://www.unicef.org/endviolenceonline)



# APA KATA REMAJA DI MALAYSIA:

## Kenali bahayanya

**87%**



bersetuju ada kawan yang terbabit dalam tabiat online yang berisiko.



Gadis remaja (87%) lebih risau menerima komen dan permintaan seksual berbanding remaja lelaki (74%)

3 daripada 4 remaja bersetuju kanak-kanak dalam bahaya untuk didera secara seksual atau diambil kesempatan bila online.

## Kenalah selamat



**91%**

berkata perlindungan keselamatan dan privasi bila dalam talian adalah penting.



## Konfiden je

**82%**

yakin dengan kelakuan sendiri dan berkata mereka cukup relaks bila online.

berkata mereka tahu cara elak bahaya atau situasi berisiko sewaktu sedang online.

**89%**

berkata mereka belajar cara menepis mereka yang buat komen atau permintaan seksual tidak diingini bila sedang online.

**80%**

## Cari teman dan keluarga untuk bantuan

**85%**

berkata mereka akan cari member jika terasa ada seseorang sedang mengancam atau terasa tak selamat sewaktu online.

**76%**

akan cari mak

**50%**

akan beritahu cikgu.




Lebih ramai remaja perempuan berbanding lelaki akan cari tempat mengadu kalau ada sesiapa buat mereka rasa tak selamat atau diancam masa online.

# JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK: DARI ONLINE KE OFFLINE

Korang tahu tak, 80% kes rogol oleh pemangsa seks yang dilaporkan di Malaysia sejak dua tahun lalu melibatkan persahabatan di dalam Internet? Dan majoriti mangsa ini semua berumur bawah 18 tahun.

Cubaan “merangsang” (“grooming”) kanak-kanak untuk jadi mangsa seksual makin meruncing, kerana makin ramai pemangsa seksual ini menggunakan identiti palsu di Internet bila memburu mangsa.



Kes rogol berkaitan Internet yang dilaporkan, 2015  
Perbandingan antara kanak-kanak dan dewasa,  
Polis Diraja Malaysia



## PEMANGSA DALAM TELEFON

Wartawan muda R.AGE mendedahkan kisah pemangsa seksual kanak-kanak di Malaysia menggunakan rakaman kamera tersembunyi selepas enam bulan mereka buat intipan. Korang boleh saksikan siri dokumentari video siasatan yang dedahkan cara pemangsa ini gunakan ruang chat dan media sosial untuk memancing kanak-kanak. Kena tengok di <http://rage.com.my/predator/>

# “MERANGSANG” KANAK-KANAK UNTUK SEKS

## SOALAN YANG SERING DITANYA



Apa itu  
“merangsang”?

Bagaimana  
rangsangan berlaku?

Merangsang dalam konteks ini adalah bila pemangsa bina hubungan emosi dengan korang dengan harapan korang percaya padanya. Tapi niatnya untuk mendera atau eksploti korang secara seksual, sama ada menerusi telefon bimbit, kamera web atau bila dapat berjumpa.

Kanak-kanak dan remaja boleh dirangsang secara online dan offline, oleh orang tidak dikenali malah yang korang kenal. Ramai kanak-kanak dan remaja tak sedar pun bila mereka sedang ‘dirangsang’, atau apa yang sedang berlaku itu adalah penderaan.

Rangsangan boleh berlaku sama ada bila korang berjumpa atau sedang online; oleh orang yang sama ada korang kenal atau tidak. Pemangsa tentulah tak beritahu niatnya awal-awal, dia akan ambil masa yang lama supaya korang akhirnya percaya pada dia.

Mula-mula, dia akan cuba buat baik, jadi BFF; bagi attention, beli jiwa, bagi hadiah; takpun pancing guna reputasi dan pangkat dia.

Bila korang dah percaya, barulah dia ambil kesempatan dengan mengasingkan korang daripada kawan atau famili, sampai korang rasa tak boleh terpisah dengannya.

Selepas itu, dia akan guna teknik “rahsia” untuk kawal dan menakutkan korang. Sekali sekala, dia akan ugut, buat korang rasa malu atau bersalah gila, supaya korang tak beritahu sesiapa tentang kejadian itu.

# RAMAI PENYUMBALEWENG DI KALANGAN KORANG MENCARI KANAK- KANAK UNTUK PENCABULAN SEKSUAL



Macam mana pula dengan 'rangsangan' online?

Perangsang seksual ini akan guna laman media sosial, chat rooms, app dating atau game online untuk cari mangsa.

Ada kala, pemangsa akan send ratusan mesej, tengoklah siapa yang sangkut nanti.

Pemangsa akan habiskan masa untuk belajar apa yang korang minat daripada profil online, kemudian dia guna info itu untuk cuba rapat dengan korang.

### Apa pemangsa ni cari?

- Umur dan rupa mangsanya
- Apa saja komen yang nampak korang sunyi, tak konfiden, rasa disisih keluarga dan kengkawan
- Username atau komen yang notty/nakal atau ada maksud seksual

### How lah mangsa dieksplot secara seksual bila online?

Kalau ianya berlaku online, kanak-kanak dan remaja mungkin dipujuk, atau dipaksa untuk:

- Menghantar atau post gambar lucah tubuhnya
- Diajak melakukan aktiviti seksual menerusi kamera web atau telefon pintar
- Berbual lucah menerusi teks atau online

Selepas itu, pemangsa mungkin ugunya akan share gambar, video atau chat korang kepada mak ayah dan kengkawan kalau korang taknak teruskan dengan aktiviti seksual lain. Walaupun korang dah break, imej atau video itu mungkin tetap di-share.

### Apa akan terjadi jika kitorang upload gambar sendiri?

Lagilah senang korang dapat perhatian orang tak dikenali atau yang korang taknak kenal especially kalau korang post gambar posing seksi.

Sudah tentu, korang takkan dapat balik imej tu dan tak tahu siapa pula yang dah tengok gambar itu, atau ke mana ia telah disebarluaskan.

Kalau umur korang 18 tahun ke bawah dan ada gambar kurang berpakaian atau tanpa pakaian, itu boleh dikatakan pornografi kanak-kanak.

### Apa kena buat jika kitorang sedang 'dirangsang'/'dilatih'?

Korang kena terus bagitau mana-mana orang dewasa yang korang boleh percayai. Mereka boleh tolong. Block atau delete pemangsa itu daripada senarai contact juga satu langkah yang baik, tapi pastikan mak ayah atau orang dewasa yang korang percayai itu tahu apa yang telah berlaku. Korang juga patut buat laporan polis dengan segera.

*Halaman 14 akan ceritakan cara buat laporan kepada Suruhanjaya Keselamatan Siber Malaysia; dan halaman 15 ada senarai nombor hotline kaunseling yang boleh korang call.*

# PERV ALERT: KETAHUI PETANDANYA

Jika korang berbual dengan orang tak dikenali secara online, kenalah berhati-hati, percaya pada instinct korang dan tahu apa nak buat kalau ada something yang tak kena. Baca petanda berikut:



Adaptasi daripada Child Exploitation  
and Online Protection (CEOP)  
[www.thinkuknow.co.uk/](http://www.thinkuknow.co.uk/)

# HATI-HATI!

## Kuat memuji

Adakah dia asyik nak puji gambar profil korang, cakap korang cantik, hot, mantap atau seksi? Pemangsa memang akan cuba buat korang rasa hebat atau istimewa. Korang akan rasa susah nak syak dia bila dia beria memuji, jadi awas ya.



## Jom borak pasal seks

Dia akan ajak korang sembang seks, takpun share bahan porno. Bila online, memang kurang rasa malu nak cakap tentang seks berbanding depan muka. Awas! Korang tak perlu cakap apa-apa yang buat korang rasa tak selesa.

## Ini rahsia kita tau?

Pemangsa tak mahu orang lain tahu yang korang sedang chat—kerana orang lain, keluarga atau kawan mungkin akan membantu jika ada yang tak kena. Dia akan minta korang rahiaskan chat atau cakap awak akan ‘kena’ kalau orang lain dapat tahu. Jika ada sesiapa memaksa korang buat sesuatu yang tak diingini atau buat korang rasa tak selesa, jangan senyap saja.

## Awak ada gambar seksi tak?



Dia mungkin akan minta gambar seksi dan cakap: ‘orang lain share okey je’. Ingat, jika dia minta gambar bukan-bukan, itu sudah big no-no dalam undang-undang.

## Jom jumpa kat “tempat lain”?

Korang berkenalan masa main game online atau kat chatroom? Ada dia minta korang add dia di Facebook, Whatsapp atau mana-mana yang boleh korang sembang secara private? Chat private akan memudahkan korang jadi lebih rapat dan buat korang percaya padanya.



## Beralih mood

Perangsang seksual ini akan cuba control korang dengan memuji dan bagi attention kaw kaw. Jika korang tak buat apa yang dia mahu—tiba-tiba dia tunjuk belang dan jadi baran. Kalau tak rasa selesa, korang tak perlu ikut cakap dia okey?

# KORANG BOLEH JADI HERO

## 10 TIP UNTUK JADI USER DIGITAL PALING ONS

1

### Hargai reputasi korang

Interaksi digital dan online korang adalah refleksi unik diri. Tabiat online akan meninggalkan informasi yang boleh dikesan, disave atau dikongsi, walaupun korang rasa sudah delete. Berhati-hati tentang apa yang korang post atau kongsi secara online mengenai diri dan orang lain.

2

### Pastikan password korang power habis

Buat password yang power dan rajinlah tukar-tukar supaya korang selamat secara online. Jangan share password dengan sesiapa dan jangan gunakan password yang sama untuk semua akaun.



3

### Hormati semua orang

Bertimbang rasa dan bersikap baik di media sosial. Hormati orang lain walaupun idea diorang berbeza dengan korang.



# 4

## Hati-hati dengan gambar



Fikir banyak kali sebelum share gambar korang, dan fikir cara ia boleh digunakan untuk mengugut korang.

# 6

## Tak okey ni

Jangan memandai masuk akaun orang lain atau gunakan telefon atau profil diorang tanpa kebenaran.

## Jangan jadi si kepoh

atau post dan/atau share kisah atau gambar yang mengaibkan orang lain. Mungkin pada korang benda tu lawak tapi pada orang lain ianya langsung tak kool.

# 8

# 9



## Geng online korang

Pilih kawan online dengan bijak. Sesetengah orang suka menyamar dan bukan seperti dipaparkan di Internet.

# 5

## Bagi kredit



Jangan lupa kredit penulis atau pencipta asal jika korang meminjam idea, kata-kata, muzik atau seni diorang.

## Tak mainlah buli siber

# 7

Buli siber melukakan mangsa, berbahaya dan akan ada akibatnya kalau korang kena tangkap.

Yang bestnya, buli takkan berlaku jika orang lain bertindak terhadapnya. Bersemuka dengan pembuli sama penting dengan tidak melakukannya. Jom hentikannya!

## Percaya pada kata hati

# 10

Jika ada rasa macam lain macam je, beritahu orang yang boleh dipercayai dan dapatkan nasihat mereka.

LINDUNGI DIRI DAN TEMAN ANDA

# JADI HERO ONLINE: LAPORKAN JENAYAH SIBER

# Cyber999

**Hubungi waktu pejabat:**

1-300-88-2999

**Talian kecemasan:**

+6019 266 5850

**SMS kepada 15888:**

CYBER999 REPORT  
(emel) (laporan).

**Emel kepada:**

cyber999@cybersecurity.my

Korang juga boleh buat laporan polis dengan segera dengan panggil **999**.

Report kandungan haram seperti pornografi kanak-kanak menerusi hotline Internet INHOPE: <http://inhope.org/gns/report-here.aspx>





# NAK GENG BERBUAL?

Jika korang risau mengenai keselamatan atau sesuatu yang telah berlaku bila tengah online, terus beritahu orang yang paling korang percaya.

Ataupun, hubungi organisasi di bawah ini yang sedia mendengar masalah korang.

---

**Befrienders Malaysia****24 jam setiap hari:**

t: +60 3 7956 8144 / 7956 8145  
e: sam@befrienders.org.my

**Federation of Family Planning  
Associations Malaysia (FRHAM)**

Isnin-Jumaat, 9am – 5pm:  
t: +60 3 5633 7514 / 16 / 28  
e: frham@frham.org.my

**Protect and Save the Children**

Isnin-Jumaat, 9am – 5pm:  
t: +60 3 7957 4344  
e: protect@psthechildren.org.my

**Women's Centre for  
Change, Penang**

Isnin-Jumaat, 9am – 5pm:  
t: +60 4 228 0342  
e: wcc@wccpenang.org

**Jangan simpan  
rasa takut tu  
sorang-sorang**



Awak...  
Share gambar  
**SEKSI!** satu!

**IGNORE?**  
**BLOCK?**  
**DELETE?**

**Apa nak buat?**

Kongsikan idea dan sertai perbualan:  
<http://replyforall-my.tumblr.com>

Setiap kanak-kanak ada hak untuk akses dan meraih manfaat keterhubungan, dan pada masa sama, dilindungi daripada mereka yang cuba mengeksplot Internet dalam cara tidak berhemah. Disebabkan itu, ianya sangat penting untuk korang dan rakan-rakan untuk terus berusaha memupuk ketahanan digital di kalangan kanak-kanak di Malaysia supaya mereka boleh navigate dunia digital dengan selamat.

**Albern Murty,**  
CEO, Digi Telecommunications Sdn. Bhd.

Usaha kami untuk siri video dokumentari **Predator In My Phone** mendedahkan bahaya ‘rangsangan’ dalam talian, terutama pada yang mudah terpengaruh. Tanpa peruntukan spesifik dalam undang-undang untuk ‘latihan’ sebegini, ada peluang untuk mereka terus mensasar dan mengeksplorasi lebih ramai kanak-kanak.

**Ian Yee**  
Editor, R.AGE

“Remaja di Malaysia adalah antara yang paling terhubung secara digital di dunia; mereka perlu dilindungi secara saksama bila berada dalam talian. Kebanyakan kes penderaan kanak-kanak di Malaysia dilakukan oleh mereka yang dikenali oleh anak itu—bukan sekadar orang di luar Malaysia atau orang tidak dikenali; dan ia sedang berlaku secara online—bukan sekadar dalam hidup sebenar.”

**Marianne Clark-Hattingh**  
Wakil UNICEF ke Malaysia

Anak kita perlu sedar dan faham akan bahaya ‘rangsangan’ dan pencabulan dalam talian, mengenal pastinya dan melaporkannya bila ia berlaku sewaktu menggunakan Internet.

Sebagai ibu bapa Malaysia, kita perlu ketepikan rasa takut untuk berterus-terang dan berbincang secara terbuka mengenai seksualiti dengan anak sendiri. Tanggungjawab turut jatuh pada bahu ibu bapa untuk sentiasa berjaga-jaga mengenai aktiviti online anak-anak.

**Low Ngai Yuen**  
Presiden, WOMEN:girls



**#REPLYFORALL-MY**

Hapuskan Keganasan Dalam Talian

---

[replyforall-my.tumblr.com](http://replyforall-my.tumblr.com)



LET'S  
INSPIRE

**R.AGE**

**WOMEN:girls**

**unicef**

